



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 FEBRUARI 2022 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

20 FEBRUARI 2022 (AHAD)

Jualan Keluarga Malaysia

Gerai minyak masak paket diserbu

Pengunjung
manfaat jualan
bersubsidi
dipercayai akibat
kurang bekalan

Oleh Nuraliawati Sabri
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Pengunjung Jualan Keluarga Malaysia di tapak pasar malam Durian Tunggal di sini 'menyerbu' gerai menjual minyak masak paket satu kilogram (kg) bersubsidi, dipercayai kerana kekurangan bekalan itu di pasaran pada masa ini.

Walaupun setiap pengunjung dihadkan membeli dua paket, mereka tetap berpuas hati dan sabar beratur untuk mendapatkannya.

Tinjauan mendapati berbanding gerai lain, gerai jualan minyak masak paket tidak putus-putus di-

kunjungi.

Pengunjung, Norliza Mohd Isa, 38, berkata minyak masak paket bersubsidi sukar diperoleh di premis seperti kedai runcit.

"Walaupun terhad hanya dua paket setiap orang ia sudah berbaloi malah harganya jualan pun cuma RM2.50-sekilogram," katanya.

Pengunjung lain, Abu Chik, 69, berkata, beliau lebih menggunakan minyak masak paket kerana harganya yang lebih murah berbanding minyak masak botol.

"Kami memang banyak menggunakan minyak masak kerana isteri memasak dalam kuantiti yang banyak untuk keluarga."

"Tidak sangka pula ada dijual di sini, hari ini kerana sekarang susah mahu dapat bekalan di kedai," katanya.

Hadir sama pada program itu Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Pembangunan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ngwe Hee Sem; Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal



Orang ramai beratur untuk membeli minyak masak paket pada Jualan Keluarga Malaysia di tapak pasar malam Durian Tunggal, semalam.
(Foto Nuraliawati Sabri/BH)

Ehwal Pengguna (KPNDHEP) Melaka, Norena Jaafar serta Ahli Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal, Zahari Abd Kalil.

Menurut Norena, penjualan minyak masak paket bersubsidi

pada program itu diberikan ke- longgaran khas untuk memudah- kan pengunjung mendapatkan bekalan.

"Sepatutnya pemborong atau repackers tidak boleh menjual se-

cara terus kepada pengguna, na- mun untuk Program Jualan Ke- luarga Malaysia ini kita bagi ke- longgaran khas untuk jualan te- rus kepada pengunjung," kata- nya.

